

# Francais bantu Bumiputera

BH 28 JAN 1994

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sistem francais kini menjadi sebahagian strategi membentuk Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera yang berdaya tahan dan maju selaras Dasar Pembangunan Nasional.

Menurut Perdana Menteri, sistem francais membuka peluang yang lebih luas dan adil kepada peniaga Bumiputera yang bermodal serta komited membabitkan diri dalam bidang perniagaan terkenal.

Dengan ini, katanya, kerajaan memutuskan semua urusan francais dikendalikan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri yang bertindak sebagai Pusat Francais Setempat.

"Kerajaan juga berharap dapat sudah sampai masa-

nya memperkenalkan sistem *franchising* sebagai salah satu strategi masa depan untuk syarikat milik kerajaan.

"Tambahan pula, perniagaan francais membolehkan kita mengurus pelaburan dengan lebih terjamin, tidak seperti pelaburan dalam saham.

"Saham tidak menjanjikan kita memiliki perniagaan itu.

"Ini kerana, falsafah francais ialah menggabungkan entiti perniagaan yang besar yang mempunyai reputasi dan sudah terkenal membantu pemegang francais yang berbekalkan inisiatif dan modal," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika melancarkan Program Pembangunan Francais dan merasmikan Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia di sini, hari ini.

Program Pembangunan

Francais bermula pada Mei 1991 menerusi pembentukan Jawatankuasa Kerja dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Di majlis itu, Perdana Menteri menyampaikan cenderamata kepada 30 pemegang francais Bumiputera yang berjaya daripada lebih 3,000 usahawan yang menyertai program itu.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, fungsi francais bertambah penting berikutan sebahagian besar penduduk kini semakin mewah dan mempunyai citarasa yang berbeza.

"Sebenarnya, perubahan sudah berlaku dan akan berlaku lebih cepat lagi. Peniaga dan pemberi khidmat yang tidak dapat menerima hakikat ini akan ketinggalan dan perniagaan lenyap," katanya.